



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)
www.ijepc.com



TAHAP PENGHAYATAN AKHLAK TASAWUF DALAM KALANGAN PELAJAR BERMASALAH DISIPLIN DI SEKOLAH ALIRAN AGAMA DAERAH BACHOK, KELANTAN

*LEVEL OF TASAWUF MORAL APPRECIATION OF STUDENTS WITH
DISCIPLINARY PROBLEMS IN RELIGIOUS SECONDARY SCHOOLS IN
BACHOK DISTRICT, KELANTAN*

Mohmad Zamri Ali^{1*}, Nawi@Mohd. Nawi Ismail², Azizah Hussin³

¹ Jabatan Sains, Kolej Matrikulasi Kelantan
Email: chezam1869@gmail.com

² Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia
Email: nawi.ismail@umk.edu.my

³ Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia
Email: azizah@ipgmksm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 23.03.2022

Revised date: 12.04.2022

Accepted date: 10.06.2022

Published date: 15.06.2022

To cite this document:

Ali, M. Z., Ismail, N., & Hussin, A. (2022). Tahap Penghayatan Akhlak Tasawuf Dalam Kalangan Pelajar Bermasalah Disiplin Di Sekolah Aliran Agama Daerah Bachok, Kelantan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (46), 197-214.

DOI: 10.35631/IJEPC.746017

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Abstrak:

Masalah disiplin yang melibatkan pelajar dari sekolah aliran agama yang telah diterapkan dengan nilai-nilai keimanan sesuatu yang tidak boleh dipandang ringan oleh mana-mana pihak. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap penghayatan akhlak tasawuf pelajar-pelajar yang bermasalah disiplin di sekolah menengah aliran agama dalam daerah Bachok, Kelantan. Kajian ini ialah kajian tinjauan berbentuk kuantitatif. Instrumen kajian menggunakan kaedah soal selidik. Sebanyak lima buah sekolah menengah agama yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada sebuah sekolah menengah agama kluster, dua buah sekolah menengah agama bantuan kerajaan (SABK), dan dua buah sekolah menengah agama di bawah pengurusan Yayasan Islam Kelantan (YIK). Responden yang terlibat dalam kajian ini seramai 53 orang. Satu set borang soal selidik diedarkan kepada responden untuk mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan. Dapatkan dianalisis secara berkomputer menggunakan perisian ‘Statistical Package for the Sosial Sciences’ versi 21 bagi mendapatkan jumlah peratus, min, dan kekerapan. Dapatkan kajian menunjukkan tahap penghayatan akhlak pelajar berada pada tahap sederhana dengan nilai min= 2.96, manakala dapatkan tahap penghayatan akhlak tasawuf pula berada pada tahap tinggi dengan nilai min=4.40. Berdasarkan dapatkan kajian, kaedah pendidikan kerohanian adalah pilihan yang sesuai diguna pakai bagi mengatasi permasalahan disiplin pelajar.

Kata Kunci:

Penghayatan Akhlak, Penghayatan Tasawuf, Adab, Masalah Disiplin

Abstract:

The problem of discipline involving students from religious schools who have been inculcated with the values of faith is something that should not be taken lightly by any party. This study aims to examine the level of appreciation of the morals of Sufism of students with disciplinary problems in religious secondary schools in the district of Bachok, Kelantan. This study is a quantitative survey study. The research instrument uses a questionnaire method. A total of five religious secondary schools were involved in this study consisting of a cluster religious secondary school, two government -aided religious secondary schools (SABK), and two religious secondary schools under the management of Yayasan Islam Kelantan (YIK). A total of 53 respondents were involved in this study. A set of questionnaires was distributed to the respondents to obtain the required information and data. Findings were analyzed by computer using 'Statistical Package for the Social Sciences' version 21 software to obtain the total percentage, mean, and frequency. The findings of the study showed that the level of moral appreciation of students was at a moderate level with a mean value = 2.96, while the findings of the level of moral appreciation of Sufism was at a high level with a mean value = 4.40. Based on the findings of the study, the method of spiritual education is an appropriate option to be used to overcome the problems of student discipline.

Keywords:

Appreciation of Morals, Appreciation of Sufism, Manners, Disciplinary Issues

Pendahuluan

Masalah disiplin di sekolah bukanlah suatu yang baru. Ia telah lama wujud, namun ia kurang mendapat perhatian umum. Berbeza dengan masa kini dengan kemudahan rangkaian komunikasi yang canggih menyebabkan berita mengenai salah laku pelajar lebih cepat tersebar dan menarik perhatian ramai berbanding masa dulu. Persoalannya kini, sejauhmanakah aktiviti yang bertentangan dengan peraturan dan nilai kemanusian ini terus berlaku dalam kalangan pelajar sekolah? Sejauhmanakah nilai-nilai pendidikan agama yang dipelajari di sekolah mendapat penghayatan dan diamalkan sepenuhnya dalam kehidupan sehari-hari pelajar dan seterusnya meresap ke dalam jiwa pelajar untuk menjadikan mereka insan yang bersahsiah unggul dan berakhlak mulia?

Pelbagai kes salah laku disiplin yang berlaku telah menimbulkan keimbangan kepada ibubapa dan juga masyarakat sekeliling. Nilai-nilai murni yang diterap di dalam sistem pendidikan bertujuan melahirkan insan yang sempurna dan berketerampilan serta seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Namun usaha yang dilakukan untuk mewujudkan pelajar yang berdisiplin seolah-olah tidak mendatangkan impak positif.

Penyataan Masalah

Dasawarsa ini, kita seringkali dihidangkan dengan gejala sosial yang melibatkan pelajar sekolah kian meruncing. Pelbagai kes salah laku disiplin berlaku dari sehari ke sehari sehingga mendatangkan kebimbangan kepada ibubapa dan juga masyarakat sekeliling. Azizi dan Rosnah (2007) menyatakan bahawa individu yang melanggar norma masyarakat setempat dikenali sebagai golongan yang bertingkah laku devian. Menurutnya lagi, golongan ini akan digelar sebagai delinkuen disebabkan mereka masih bersekolah.

Matlamat Pendidikan Islam adalah untuk melahirkan seorang muslim yang sempurna sebagaimana tercatat dalam FPI:

Pendidikan Islam adalah untuk menghasilkan Muslim yang berilmu, beriman, berketrampilan, beramal soleh, beradab dan berakhhlak mulia berdasarkan al Quran dan al Sunnah sebagai hamba dan khalifah Allah yang bertakwa dan menyumbang kepada tamadun bangsa dan Negara.

Walau bagaimanapun, situasi yang berlaku hari ini menunjukan seolah-olah matlamat Falsafah Pendidikan Islam tidak berupaya menangani masalah disiplin terutamanya pelajar sekolah menengah. Dapatkan kajian oleh Mohd Khairi Othman, et al, (2016), melalui akhbar Harian Metro pada 29 Disember 2010 menyatakan, hampir tiga peratus daripada lebih lima juta pelajar dari 10,000 sekolah rendah dan menengah terlibat dalam kes salah laku disiplin. Mengikut rekod kementerian 111,484 pelajar atau 72,557 pelajar sekolah menengah dan 38,927 murid sekolah rendah dikesan terbabit pelbagai salah laku disiplin pada tahun 2010. Antara kes salah laku disiplin termasuk kes jenayah (17,595 kes), ponteng sekolah (19,545 kes), berlaku kurang sopan (18,346 kes), kekemasan diri (21,384 kes), tidak mementingkan masa (17,808 kes), kelucahan (3,031 kes), kenakalan (8,563 kes) dan vandalisme (5,212 kes).

Kewujudan masalah disiplin di SMKA didapati melalui pengkajian yang dilakukan oleh Selamat et al (2004) terhadap masalah moral di SMA Kluang Johor, kajian oleh Mahadi (2007) terhadap masalah buli di SMKA Sarawak. Tambahan pula, dalam kajian Zulkifli & Azrinawati (2006), yang mengisahkan kes kematian Muhamad Farid Ibrahim pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Agama (SMA) Dato' Klana Petra Ma'amor Negeri Sembilan pada tahun 2004, yang dibuli oleh pelajar senior sehingga menyebabkan kematian telah klasifikasikan oleh polis sebagai kes bunuh. Begitu juga kejadian buli di Sekolah Menengah Agama (SMA) Padang Tengku, Kuala Lipis, Pahang pada 27 Mei 2005 terhadap Muhammad Afiq Qusyairi pelajar tingkatan satu yang menyebabkan kecederaan sehingga dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi ICU. Pelajar tersebut telah dibuli dan dipukul dua kali dalam kejadian berasingan oleh seniornya telah menarik perhatian Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah dan Datuk Seri Hishamuddin Tun Hussein selaku menteri pendidikan ketika itu.

Azzahyiruddin (2006) menyatakan kes buli yang berlaku di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Maahad, Muar pada 26 Julai 2005 terhadap seorang pelajar tingkatan satu oleh sekumpulan pelajar tingkatan lima sekolah tersebut yang membawa kepada kecederaan di kaki, kepala dan belakang badan kerana dendam atas kekasaran ketika bermain bola di padang. Walaupun peristiwa-peristiwa tersebut telah lama berlalu, namun kajian Mohd Nuri Mustafa (2017) terhadap kes buli yang berlaku di Sekolah Menengah Agama Sungai Udang, Melaka

yang mana seorang pelajar tingkatan dua mengalami trauma akibat ditampar oleh pelajar senior semasa menunggu untuk solat fardu maghrib di surau sekolah.

Astro Awani 30 Ogos 2016, melaporkan insiden buli yang melibatkan murid sekolah rendah agama di Putatan, Sabah. Seorang pelajar yang berumur 12 tahun telah membelasah rakannya sehingga lembek. Kejadian ini berpunca apabila mangsa dipercayai telah mengejek arwah bapa rakannya itu. Manakala pada 21/11/2019 BH online melaporkan polis telah menahan 10 pelajar Tingkatan Dua di sebuah sekolah menengah agama, di Pasir Puteh, Kelantan bagi menyiasat kes buli membabitkan seorang rakan mereka. Mangsa dipercayai telah dibuli oleh beberapa rakan sekelasnya itu supaya menyiapkan kerja sekolah mereka. Mangsa yang enggan menurut arahan rakan-rakannya itu telah menyebabkan dia dipukul beberapa kali dengan kaki dan tangan.

Kajian Wan Nor Adibah (2015), berdasarkan statistik Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah sektor Pembangunan Kemanusiaan Unit Hal Ehwal Murid 2013, di Negeri Selangor, seramai 8923 orang murid terlibat dengan salah laku disiplin di sekolah menengah termasuk Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Perkara ini memerlukan usaha pemurnian dan pembersihan jiwa dan kembali kepada ajaran agama dengan menerapkan nilai-nilai agama yang sebenar supaya dapat dihayati dan diamalkan dalam segenap aspek kehidupan.

Kes-kes disiplin di sekolah agama ini telah menimbulkan satu persoalan terhadap pelajar yang terlibat dalam masalah tersebut. Mereka adalah pelajar dari aliran sekolah agama yang telah diterapkan dengan unsur-unsur keimanan melalui kurikulum agama seperti mata pelajaran aqidah, akhlak, tasawuf, fiqh, tasawur, dan sebagainya, namun keimanan mereka amat rapuh sehingga terlibat dalam kes disiplin yang dasyat ini. Walaupun masalah disiplin di sekolah aliran agama ini bermula dari kes-kes yang kecil, namun telah menjadi serius apabila melibatkan pembulian dan pergaduhan sehingga menyebabkan kecederaan dan kematian telah telah menarik perhatian dan menjadi satu cabaran kepada pengkaji untuk menyelidik tahap penghayatan akhlak tasawwuf dalam kalangan pelajar yang bermasalah disiplin samada di dalam bilik darjah, sekolah dan juga di luar waktu persekolahan, seterusnya sebagai perintis kepada pengkaji berikutnya bagi mengatasi permasalahan disiplin pelajar melalui kaedah kerohanian Islam.

Objektif Kajian

Secara khususnya kajian ini dijalankan adalah untuk memenuhi objektif-objektif kajian seperti berikut:

1. Mengenalpasti tahap penghayatan akhlak yang diamalkan oleh pelajar yang bermasalah disiplin di sekolah menengah aliran agama di Daerah Bachok terhadap keluarga, guru, rakan sebaya, diri sendiri, dan ibadat.
2. Mengenalpasti tahap penghayatan akhlak tasawuf diamalkan oleh pelajar yang bermasalah disiplin di sekolah menengah aliran agama dalam Daerah Bachok terhadap keluarga, guru, rakan sebaya, diri sendiri, dan ibadat.

Sorotan Literatur

Dalam membicara permasalahan hubungan antara akhlak tasawuf dan masalah disiplin, kebanyakan pengkaji-pengkaji melakukan kajian mengenai disiplin. Kajian literatur mengenai akhlak tasawuf adalah sukar untuk di perolehi. Bagi kajian berkaitan akhlak tasawuf, pengkaji akan merujuk kepada maklumat-maklumat yang diperolehi melalui kajian-kajian literatur yang

terdahulu. Di antara topik yang akan dibincangkan di dalam bab ini adalah seperti meliputi konsep akhlak dalam Islam, konsep tasawuf, pemboleh ubah, teori-teori yang berkaitan, kajian-kajian lepas dan rumusan.

Konsep Akhlak Menurut Islam

Islam memberi perhatian yang tinggi terhadap pembinaan dan pembentukan akhlak serta menitikberatkan keperibadian mulia di kalangan penganutnya. Tunduk dan patuh hanya kepada Allah dengan menjauhi segala laranganNya di samping suci peribadi luaran dan dalaman adalah antara tujuan pembinaan akhlak insan. Pengutusan Nabi Muhammad SAW antara lainnya adalah untuk menyempurnakan kesempurnaan akhlak agar manusia memiliki tingkah laku yang baik dalam menjalani kehidupan di dunia.

Tuntutan terhadap kehidupan berakhhlak sangat dipandang tinggi oleh agama sehingga antara lain tujuan pengutusan Nabi Muhammad SAW adalah untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak. Nasarudin Desa @ Man et.al (2018) menyatakan, tanggungjawab membentuk akhlak merupakan satu agenda yang besar sehingga Allah swt telah mengutuskan seorang nabi bagi tujuan tersebut. Firman Allah yang bermaksud:

Demi sesungguhnya adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik ,iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) Hari Akhirat, serta ia pula menyebut dan memperingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).

(Surah al-Ahzab33:21).

Ayat al-Quran di atas jelas menunjukkan apabila perbicaraan mengenai akhlak, kita mestilah memberi tumpuan dan rujukan kepada akhlak Rasulullah SAW. Zaharah Hussin et, al. (2017) menjelaskan, oleh sebab Baginda SAW telah diutus oleh Allah SWT untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak, maka adalah menjadi tanggungjawab ibubapa dan pendidik untuk menyambung serta mengamalkan apa yang telah dibawa oleh Baginda kepada umatnya iaitu pendidikan akhlak dalam keluarga dan masyarakat. Seseorang yang mempunyai keteguhan aqidah serta tekun beribadah seharusnya memiliki akhlak yang mulia dan bersopan santun dalam pergaulannya sesama manusia. Sekiranya akhlak tidak mempunyai kepentingan dalam kehidupan seorang muslim, tidak mungkin ia dijadikan sebagai salah satu agenda pengutusan Rasulullah SAW, (Nasarudin Desa@ Man et.al, 2018). Maka persoalan tentang akhlak bukanlah satu persoalan yang terpisah, bahkan ia saling berkait dengan persoalan aqidah, ibadah, dan muaamalat. Azhar Ahmad dan Ab. Halim Tamuri (2005), menyatakan, kecerdikan akal atau kecanggihan teknologi semata-mata bukanlah merupakan kayu ukur sebenar dalam mengukur ketinggian sesebuah tamadun bangsa. Keruntuhan nilai akhlak di dalam sesebuah masyarakat bukan saja menjadi ancaman kepada kesejahteraan mental individu dalam masyarakat, bahkan turut menjadi punca sebenar kepada kemusnahan kerana keruntuhan nilai akhlak akan melemahkan setiap sendi sesebuah masyarakat. Al-Ghazali (2008), menjelaskan dalam ihya' terdapat empat teras utama yang menjadi dasar kepada pendidikan akhlak, iaitu:

- i. Hikmah iaitu perihal jiwa yang berupaya membezakan antara kebenaran dan kesalahan semua perbuatan ikhtiariah iaitu perbuatan yang dilakukan menurut pilihan dan kehendak sendiri.
- ii. Adil iaitu keadaan dan kekuatan jiwa yang dapat membimbang dan mengawal nafsu amarah dan nafsu syahwat ke arah hikmah.
- iii. Syaja'ah iaitu keadaan kekuatan nafsu amarah yang harus tunduk kepada akal.

Iv Iffah bermaksud memelihara diri daripada perkara-perkara yang mendatangkan kemurkaan Allah, serta diberikan kejernihan hati dan jiwa.

Hubungan Antara Akhlak dan Adab Menurut Islam

Selain daripada mengamal dan menghayati kemuliaan akhlak, umat Islam pada masa yang sama juga dituntut untuk mengamalkan kemurnian adab-adab berakhlak dalam kehidupan. Ukuran kemuliaan akhlak seseorang itu dinilai berdasarkan kepada penampilan adab-adab kesopanan yang ditunjukan oleh perlakuan tersebut. Adab menurut Kamus Dewan (2010) bermakna tingkah laku serta tutur kata, budi bahasa atau budi pekerti yang halus. Adab berasal dari perkataan Arab iaitu أدب yang memberi maksud tingkahlaku dan perbuatan kebaikan, kesantunan, moral, sopan santun, kesusilaan, serta kemanusiaan. Menurut Marwan Ibrahim al-Kaysi (1997), adab adalah satu kebiasaan, budi pekerti dan tingkahlaku yang diambil daripada seseorang yang dianggap sebagai contoh teladan yang baik. Menurut Mohd Khairi & Mohamad Khairi (2016), hubungan antara akhlak dengan adab adalah sangat rapat, apabila menyebut konsep akhlak, ia juga secara langsung turut menyentuh kemuliaan adab-adab.

Menurut Sayed Naquib al-Attas (1996), lafaz ‘adab’ berasal dari bahasa Arab iaitu *addabaya* ‘addibu-ta’ib’ yang telah bermaksud sebagai mendidik atau pendidikan yang terangkum di dalamnya kesopanan, keramahan, dan kehalusan budi pekerti. Adab adalah pengenalan dan pengiktirafan tentang hakikat bahawa ilmu dan kejadian telah disusun dengan tertib mengikut darjah dan martabatnya. Adab juga berkaitan dengan kedudukan seseorang dalam hubungannya dengan hakikat itu serta berdasarkan kepada daya dan potensi jasmani, akal dan rohnya. Ia juga adalah ilmu untuk mencari pengetahuan yang lebih mendalam, iaitu penanaman kebaikan ke dalam diri seseorang sebagai alat untuk menjadi manusia yang sempurna. Pada dasarnya konsep adab al-Attas ini adalah mendidik insan sesuai dengan aturan nilai-nilai keimanan iaitu mendekatkan diri kepada al-Khaliq. Sehubungan dengan itu, adab juga dikaitkan dengan syariat dan Tauhīd. Orang yang tidak beradab adalah orang yang tidak melaksanakan syariat dan tidak beriman dengan sempurna. Roziah Adama & Mas Rynna (2017), menjelaskan adab merupakan satu konsep yang bersifat putaran dan saling bertautan dalam hidup manusia iaitu hakikat manusia mempunyai perhubungan dengan setiap perkara yang terzahir mahupun bersifat metafizik. Hubungan itu meletakkan manusia ke satu darjah yang tinggi dengan syarat menjadikan adab sebagai satu amalan hakiki dalam kehidupan.

Menurut M. Abdul Mujieb et, al (2009), adab ialah budi pekerti, moral, atau nilai-nilai yang dianggap baik oleh sekelompok masyarakat. Seseorang yang dapat menjaga adabnya bererti ia telah berjaya dalam setiap segi kehidupannya. Kamus Al-Munjid (tt) menterjemahkan adab adalah akhlak yang di dalamnya adalah budi pekerti, tingkah laku, perangai atau tabiat yang sepadan dengan nilai-nilai agama Islam. Imam al-Ghazali (2010) di dalam Bidayah al-Hidayah, menjelaskan adab sebagai nilai akhlak, moral, nilai masyarakat dan disepakati kerana kebaikannya. Beliau turut menganjur agar melaksanakan dan beramal dengan adab dalam kehidupan kerana adab sebagai sebuah peraturan yang bersifat baik, perlu diamalkan secara istiqomah, dan ikhlas oleh masyarakat. Adab-adab dalam Islam yang sayugia dilaksanakan antaranya seperti adab kepada Allah, adab bermasyarakat, dan adab kepada rakan. Dalam Bidayah al-Hidayah al-Ghazali telah membahagi adab kepada sesama manusia kepada beberapa bagian iaitu:

- i. Adab kepada ibubapa
- ii. Adab kepada Guru
- iii. Adab kepada rakan

iv. Adab kepada masyarakat

Penjelasan di atas menyimpulkan bahawa, akhlak bukannya perbuatan baik atau buruk semata-mata, tetapi apa yang dimaksudkan dengan akhlak adalah keadaan jiwa yang mampu mengawal dan melahirkan tingkah laku dan perbuatan yang baik. Di samping itu, semasa mengamalkan akhlak, kita juga dianjurkan untuk menunjukkan adab-adab kesopanan dalam kehidupan. Ini kerana hubungan antara akhlak dan adab-adab kesopanan saling berkait rapat. Tanpa adab-adab, akhlak seseorang itu akan pincang bahkan ia akan dikatakan tidak berakhlek. Perkara paling besar dalam hidup insani adalah pemupukan adab, hampir keseluruhan hidup manusia menuntut penzahiran adab yang dirahmati Allah S.W.T. Pengabaian dan perlenggaran terhadap konsep-konsep adab menyebabkan insan sering menyalimi diri sendiri kerana tidak berupaya menguasai diri yang menjurus kepada dua perkara iaitu kemarahan dan nafsu syahwat.

Akhlek Tasawuf

Menurut kamus Lisan Al-Arab (1993), perkataan akhlak berasal dari kalimah **الخُلُقُ** (al-khuluqu) jamak **الْخُلُقُ** (al-khuluqu) bermaksud tabiat semula jadi. **الخُلُقُ** (al-khuluqu) bermaksud cara hidup, tabiat semulajadi yang merupakan gambaran bagi sifat batin manusia. **الخُلُقُ** (al-Khalqu) membawa maksud gambaran sifat zahir manusia. Sifat zahir dan sifat batin manusia itu kedua-duanya pula mempunyai sifat yang terpuji dan juga sifat yang terkeji. Manakala dalam Mu'jam al-Wasît (1972), akhlak adalah ilmu yang membahaskan tentang nilai-nilai yang berkaitan dengan perbuatan manusia yang dapat disifatkan dengan baik atau buruk. Ibn Miskawaih (1978), mentakrifkan akhlak merupakan bentuk jamak dari khuluq yang bermaksud keadaan jiwa yang mendorong seseorang itu melakukan perbuatan-perbuatan tanpa memerlukan pemikiran dan pertimbangan. Imam al-Ghazali (2008), mentakrifkan akhlak sebagai sifat yang tertanam dalam jiwa, terbit daripadanya perbuatan dan kelakuan yang mudah tanpa memerlukan pertimbangan akal fikiran. Jika yang lahir perbuatan baik dan diiktiraf oleh akal dan syarak, maka ia dipanggil akhlak yang baik, manakala jika lahir perbuatan buruk ia dinamakan akhlak yang buruk.

Tasawuf dari segi bahasa (etimologi), terdapat beberapa pandangan yang berbeza dalam kalangan pakar. Qasim Ghina (1972) memberi beberapa takrifan maksud tasawuf :

1. Tasawuf berasal dari kata **صَفَّهُ suffah**. Ia adalah bahagian belakang dari masjid Rasulullah SAW di Madinah. Di sinilah tempat kediaman para sahabat yang hidup sederhana dan miskin

serta sangat menjauhkan diri daripada mencari kemasyhuran. Mereka ini adalah para sahabat

yang turut hijrah bersama Nabi dan menetap di sekitar masjid Nabawi.

2. Tasawuf berasal dari kata **صَفَاءَ shafa'** yang membawa maksud orang-orang yang mensucikan hatinya untuk mendekatkan diri kepada Allah.
3. Tasawuf berasal dari kata **صَفَ شَعْf shuf**. Shuf adalah benang bulu binatang. Lisan al-'Arab (1993) menerangkan 'shuf' adalah baju yang dipakai oleh orang-orang sufi yang diperbuat daripada bulu atau bulu kambing atau kibas yang kasar.
4. Tasawuf berasal dari bahasa Yunani '*Sophos*' yang bermaksud hikmah.

Dari keempat-empat takrif tasawuf dari segi bahasa tersebut, dapat disimpulkan tiga perkara yang menjadi dasar dari makna tasawuf, iaitu:

1. Sentiasa berusaha mensucikan hati daripada perkara yang menyebabkan dosa
2. Berusaha memperdalam dan mengamalkan ajaran agama
3. Zuhud dan bersederhana dalam kehidupan.

Menurut pengertian dari segi istilah pula, Imam Al-Qusyairi (1997) mentakrifkan tasawuf adalah menerapkan ajaran Al-Quran dan Sunnah Nabi secara tepat, berusaha menekan hawa nafsu, menjauhi bid'ah dan tidak meringankan ibadah. Imam Junaid al-Baghdad, mentakrifkan tasawuf sebagai upaya untuk mengenal Allah SWT (merasa tidak memiliki apapun dan tidak dimiliki siapapun kecuali Allah SWT) dengan melakukan akhlak yang baik menurut Sunnah Rasul, meninggalkan Akhlak buruk, dan melepaskan hawa nafsu, (Zakaria Stapa, 1999). Sahl bin Abdallah al-Tustari mentakrifkan tasawuf adalah melepaskan diri dari perlakuan yang keji dan hina kemudian berpindah kepada perlakuan yang mulia dan terpuji, kemudian memberi penumpuan hanya kepada melaksanakan perintah Allah SWT sahaja, (Mohd Sulaiman Hj Yasin, 1986).

Daripada definisi di atas, dapat disimpulkan bahawa akhlak merupakan suatu bentuk tingkah laku atau perbuatan yang wujud di dalam diri seseorang yang mana ia tidak memerlukan sebarang bentuk pemikiran untuk melakukan sesuatu perbuatan. Ia akan berlaku secara spontan sebagai tindak balas kebiasaan yang telah tersemat dalam jiwa dan tingkah laku sehariannya. Manakala tasawuf pula adalah tingkah laku seseorang dalam rangka membersihkan diri dari akhlak mazmumah (akhlak terkeji) kepada akhlak mahmudah (akhlak terpuji) bagi mendekatkan diri kepada al-Khalil yang terbit dari keikhlasan jiwa yang murni.

Pada asasnya, akhlak diukur kepada gerak laku jasmani manakala akhlak tasawuf lebih mengutamakan aspek kerohanian daripada jasmani. Ia merupakan amalan hati yang menghadirkan al-Khalil pada dirinya. Bangun Nasution & Rayani Siregar, (2015), menyatakan hubungan ilmu akhlak dengan ilmu tasawuf adalah usaha untuk menghampirkan diri kepada Tuhan dengan cara membersihkan diri dari akhlak yang tercela dan menghias diri dengan akhlak yang terpuji. Dengan demikian dalam proses pencapaian tujuan bertatasawuf seseorang harus terlebih dahulu berakhlak mulia. Menurut kaedah tasawuf, terdapat tiga tahap bagi menyucikan hati manusia daripada akhlak terkeji iaitu tahap pertama adalah *takhalli* iaitu mengosongkan diri dari akhlak yang buruk, tahap kedua *tahalli* iaitu setelah menghilangkan akhlak buruk dari diri maka ia diganti dengan menghiasinya dengan akhlak terpuji, dan tahap ketiga adalah *tajalli* iaitu terbukanya hijab antara manusia dengan Tuhan apabila hati menjadi suci bersih setelah dihiasi dengan akhlak terpuji. Dalam kajian ini, akhlak tasawuf yang dimaksudkan adalah penghayatan akhlak tasawuf terhadap adab-adab dalam kehidupan searian pelajar terhadap keluarga, terhadap guru, bersama rakan sebaya, adab dalam menunaikan ibadah, dan juga adab terhadap diri sendiri.

Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Kajian yang digunakan adalah berbentuk kuantitatif menggunakan kaedah kajian tinjauan yang menggunakan set soal selidik. Ini adalah selari dengan kenyataan Mohd. Najib (1999) yang menyatakan, kaedah tinjauan adalah merupakan satu kajian di mana pengkaji akan memungut

data dalam satu masa tertentu sahaja dan kebiasaannya menggunakan soal selidik. Data dianalisis secara deskriptif dan infrensi min, peratus dan kekerapan. Kaedah deskriptif dipilih untuk mengumpul maklumat mengenai profil responden dan mengenal pasti tahap penghayatan akhlak dan akhlak tasawuf responden. Analisis kajian ini digunakan untuk menjawab persoalan kajian yang dikemukakan. Item soal selidik mengandungi soalan jenis tertutup untuk dijawab oleh respondan akan diklasifikasikan mengikut aspek yang telah ditentukan dan dianalisis menggunakan kaedah SPSS menggunakan metod kajian kuantitatif.

Sampel Kajian

Pemilihan tempat kajian telah ditentukan sendiri oleh penyelidik berdasarkan penilaian dan kriteria tertentu. Menurut Cresswell (2011), penyelidik harus mempunyai alasan yang munasabah dalam menentukan dan memilih tempat kajian yang ingin dijalankan. Berpandukan atas pendapat Cresswell itu, penyelidik telah memilih daerah Bachok sebagai lokasi kajian berdasarkan kriteria:

1. Sekolah menengah agama kluster di Kelantan yang berada di bawah KPM yang menggunakan model Ulul Albab iaitu gabungan model tahniz al-Qurab, subjek agama dan subjek akademik hanya berada di Bachok, Kelantan.
2. Daerah Bachok juga terdapat tiga jenis sekolah yang berbeza pertadbiran iaitu di bawah KPM, YIK, dan SABK.
3. Masalah disiplin yang berlaku di daerah Bachok turut sama berlaku di daerah lain.
4. Lokasi yang mudah dimasuki

Populasi dalam kajian ini adalah pelajar tingkatan empat di sekolah menengah agama dalam daerah Bachok. Sebanyak lima buah sekolah menengah agama yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada sebuah sekolah menengah agama di bawah pentadbiran Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), dua buah sekolah menengah agama bantuan kerajaan (SABK), dan dua buah sekolah menengah agama di bawah pengurusan Yayasan Islam Kelantan (YIK). Jumlah populasi adalah seramai 53 orang pelajar yang mempunyai rekod disiplin. pengkaji telah mengambil kesemua sampel sebagaimana yang dicadangkan oleh Mohd. Najib (1999) yang menyatakan sekiranya jumlah sampel tidak ramai, maka penyelidikan dapat menggunakan kesemua sampel dalam sekolah tersebut.

Item Soal Selidik

Mohd. Najib (1999), menyatakan Instrumen menentukan jenis data yang diperolehi dan ini akan mempengaruhi jenis analisis data. Ia memberi maklumat bagi menjawab persoalan kajian. Menurut Creswell (2011) pula, alat kajian yang boleh digunakan ialah yang telah sedia ada, yang diubah suai, yang digabung dan yang dibina sendiri. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik yang diubah suai dari kajian Azhar Ahmad & Halim Tamuri (2005), "Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah". Borang soal selidik ini mengandungi Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Bahagian A mengandungi soalan-soalan demografi responden. Bahagian B mengandungi item-item yang menyentuh tentang penghayatan akhlak berkenaan dengan adab atau tingkah laku yang bersifat amali zahir pelajar yang boleh dilihat dengan mata kasar dan Bahagian C mengandungi item-item yang menyentuh tentang penghayatan akhlak tasawuf bagi menjelaskan tentang perasaan pelajar.

Item-item soal selidik bahagian B dibahagi kepada lima pembolehubah. Setiap pembolehubah mengandungi enam soalan sebagaimana dijelaskan melalui jadual 1 di bawah:

**Jadual 1: Pembahagian Item Soalselidik Dan
Pembolehubah Bahagian B**

Bil	Pembolehubah	Bil. Soalan
1	Adab terhadap keluarga	6
2	Adab terhadap guru	6
3	Adab terhadap rakan sebaya	6
4	Adab terhadap ibadat	6
5	Adab terhadap diri sendiri	6

Soalan-soalan ini dibina dengan menggunakan Skala Likert empat pemeringkatan yang diadaptasi daripada Rabiatul Adawiyah et al (2014). Pengkaji memilih bentuk ini kerana menurut Deobold (1999), ia mudah ditadbir kepada jumlah yang besar, memudahkan responden memberi tumpuan kepada subjek yang dikaji dan melancarkan proses penjadualan dan penganalisisan data. Skala likert tersebut menunjukkan:

1. Tidak Pernah 2. Jarang 3. Kerap 4. Sentiasa

Interpretasi skala min bagi tiga skala diguna pada soal selidik bahagian B, pengkaji berpandukan daripada sumber penilaian skor min yang digunakan oleh (Ghani Hj Taib, 1996) sepermata dilampirkan dalam jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Skor Min Tiga Skala

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana
3.01 – 4.00	Tinggi

Sumber: Ghani Hj Taib, (1996).

Bahagian C mengandungi item-item yang menyentuh tentang penghayatan akhlak tasawuf pelajar. Item-item soal selidik bahagian C dibahagi kepada lima bahagian pembolehubah, yang mana setiap bahagian mengandungi enam soalan. Jadual 3 di bawah menerangkan pembahagian item soal selidik dan pecahan item berkenaan mengikut pembolehubah masing-masing.

**Jadual 3: Pembahagian Item Soaselidik Dan Pembolehubah
Bahagian C**

Bil	Pembolehubah	Bil. Soalan
1	Akhlik tasawuf terhadap keluarga	6
2	Akhlik tasawuf terhadap guru	6
3	Akhlik tasawuf terhadap rakan sebaya	6
4	Akhlik tasawuf terhadap ibadat	6
5	Akhlik tasawuf terhadap diri sendiri	6

Item-item ini dibina dengan menggunakan Skala Likert lima pemeringkatan yang mana diambil dan diadaptasi daripada kajian Azhar Ahmad dan Ab. Halim Tamuri (2005). Skala tersebut adalah:

1. Sangat Tidak Setuju 2. Tidak Setuju 3. Tidak Pasti 4. Setuju 5. Sangat Setuju

Menurut Hertanto (2017), kelebihan instrumen menggunakan skala Likert dengan lima skala kerana ia mampu mengawal jawaban responden yang bersifat neutral atau ragu-ragu. Interpretasi skala min bagi empat skala diguna pada soal selidik bahagian C, pengkaji berpandukan daripada sumber penilaian skor min yang digunakan oleh Azhar Ahmad, (2005) sebagaimana dijelaskan melalui jadual 4 di bawah:

Jadual 4: Skor Min Empat Skala

Skor Min	Interpretasi
4.01 – 5.00	Tinggi
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
1.01 – 2.00	Rendah

Bacaan Skor Min (Azhar Ahmad, 2005)

Dapatkan Kajian

**Jadual 5: Hasil Dapatkan Tahap Penghayatan Akhlak Pelajar
Sekolah Menengah Agama Yang Bermasalah Disiplin**

Bil	Tahap Penghayatan Akhlak	Min	SP
1	Akhhlak Terhadap keluarga	2.66	0.58
2	Akhhlak Terhadap Guru	2.63	0.86
3	Akhhlak Terhadap Rakan	3.05	0.81
4	Akhhlak Terhadap Diri	3.50	0.72
5	Akhhlak Terhadap Ibadat	2.93	0.84

Jadual 5 di atas menerangkan dapatan kajian terhadap tahap penghayatan akhlak diamalkan oleh pelajar yang bermasalah disiplin di sekolah menengah agama Daerah Bachok setelah data dianalisis adalah seperti jadual di atas. Soalan kajian ini diukur berdasarkan bacaan min. Dapatkan menunjukkan min akhlak terhadap diri sendiri berada pada tahap paling tinggi iaitu min=3.5 dengan sisihan piawai 0.72 diikuti oleh akhlak terhadap rakan iaitu 3.05 dengan sisihan piawai 0.81. Skor min pada penghayatan akhlak terhadap diri dan penghayatan akhlak terhadap rakan kedua-duanya berada pada tahap tinggi. Manakala penghayatan akhlak terhadap ibadat pula dengan bacaan min=2.93 dan diikuti penghayatan akhlak terhadap keluarga dengan min=2.66 dan penghayatan akhlak terhadap guru dengan min=2.63. Skor min pada akhlak terhadap ibadat, akhlak terhadap keluarga, dan akhlak terhadap guru berada pada tahap sederhana iaitu antara 2.01-3.0.

**Jadual 6: Hasil Dapatan Tahap Penghayatan Akhlak Tasawuf
Pelajar Sekolah Menengah Agama Yang Bermasalah Disiplin**

Bil	Tahap Penghayatan Akhlak Tasawuf	Min	SP
1	Akhhlak Tasawuf Terhadap keluarga	4.65	0.55
2	Akhhlak Tasawuf Terhadap Guru	4.36	0.72
3	Akhhlak Tasawuf Terhadap Rakan	3.89	0.88
4	Akhhlak tasawuf Terhadap Diri	4.53	0.65
5	Akhhlak Tasawuf Terhadap Ibadat	4.56	0.60

Jadual 6 di atas menjelaskan hasil dapatan kajian terhadap tahap penghayatan akhlak tasawuf pelajar sekolah menengah agama daerah Bachok yang bermasalah disiplin setelah data dianalisis seperti jadual di atas. Soalan kajian ini diukur berdasarkan bacaan peratus dan min. Dapatkan menunjukkan min akhhlak tasawuf terhadap keluarga berada pada tahap paling tinggi iaitu min=4.65 diikuti oleh penghayatan akhhlak tasawuf terhadap ibadat iaitu skor min=4.56. Manakala penghayatan akhhlak tasawuf terhadap diri sendiri adalah yang ketiga tinggi dengan skor min=4.53 diikuti dengan tahap penghayatan akhhlak tasawuf terhadap guru dengan min=4.36. Manakala tahap penghayatan akhhlak tasawuf terhadap rakan sebaya berada pada tahap sederhana tinggi dengan skor min=3.89.

Perbincangan Dan Rumusan

Kajian ini adalah merupakan kajian tinjauan untuk mengenal pasti penghayatan akhhlak dan juga penghayatan akhhlak tasawuf dalam kalangan pelajar yang bermasalah disiplin. Hasil kajian menunjukkan tahap penghayatan akhhlak tasawuf pelajar lebih tinggi berbanding dengan tahap penghayatan akhhlak mereka. Ini menjelaskan walaupun pelajar melakukan amalan yang bertentangan dengan nilai-nilai akhhlak namun pada hakikatnya jiwa mereka sendiri tidak merestui perbuatan mereka tersebut.

Dapatkan kajian menunjukkan penghayatan akhhlak pelajar yang mempunyai masalah disiplin terhadap rakan sebaya dan akhhlak pelajar terhadap diri sendiri berada pada tahap tinggi. Manakala tahap penghayatan akhhlak pelajar bersama keluarga dan akhhlak pelajar terhadap guru dan akhhlak pelajar terhadap ibadat wajib berada pada tahap sederhana. Manakala dapatan terhadap penghayatan akhhlak tasawuf pula mendapat penghayatan akhhlak tasawuf terhadap keluarga, guru, diri sendiri dan ibadat berada pada tahap yang tinggi melainkan tahap penghayatan akhhlak tasawuf terhadap rakan sebaya sahaja yang berada pada tahap sederhana tinggi.

Persoalannya adakah responden tidak memahami tuntutan agama sedangkan mereka bersekolah aliran agama? Menjawab persoalan ini, kajian Arieff dan Wardah (2006) menyatakan, kefahaman terhadap tuntutan kewajipan agama berlaku agak lambat dalam diri remaja iaitu di antara umur 23 dan 24 tahun. Justeru itu ketika usia remaja, mereka tidak mengambil berat terhadap tuntutan agama yang wajib dipenuhi. Walaupun remaja tersebut melakukan tuntutan agama seperti sembahyang, berpuasa di bulan Ramadhan namun pada masa yang sama mereka tidak memahami kepentingan tuntutan tersebut, kurang kefahaman terhadap kepentingan tuntutan nilai agama tersebut telah mendorong mereka melakukan perbuatan-perbuatan yang bertentangan dengan nilai-nilai akhhlak yang dikehendaki oleh agama. Pelajar di tahap remaja tidak terkecuali menghadapi masalah penyesuaian akademik, masalah hubungan peribadi dengan rakan sebaya, masalah perubahan hormon dalam badan,

dan masalah yang berkaitan dengan sosial dan hiburan yang banyak mempengaruhi tingkah laku mereka. Sebagai manusia biasa, pelajar-pelajar yang bersekolah di aliran agama juga tidak terkecuali berhadapan dengan masalah tersebut.

Keluarga ialah orang yang mempunyai pertalian darah atau persaudaraan. Berbuat baik dan berbakti kepada keluarga dan sanak saudara adalah sangat dituntut oleh agama. Perbuatan memutuskan hubungan kekeluargaan atau memutus hubungan silaturahim adalah termasuk dalam dosa besar. Namun apabila masalah sosial melibat ibubapa yang sepatutnya dimuliakan, maka kepincangan akhlak pelajar tersebut turut dipersoalkan. Lebih-lebih lagi pelajar-pelajar di sekolah menengah berteraskan agama yang sepatutnya dapat memanfaatkan ilmu yang mereka perolehi dalam membentuk sahsiah yang lebih baik. Menurut Azizi Yahaya et al (t.t), kebanyakannya tingkah laku anti sosial remaja berpunca daripada kegagalan cara gaya keibubapaan dan pengurusan keluarga. Latar belakang tingkah laku anti sosial adalah kesan daripada kekurangan, ketidaksesuaian atau kawalan disiplin yang tidak konsisten semasa kanak-kanak. Rohana Tan et. al (2016) pula menjelaskan hubungan remaja dengan ibu bapa akan menjadi rapat sekiranya tiga faktor penting diterapkan dalam perhubungan keluarga iaitu; kepercayaan, komunikasi, dan rasa diterima yang mencapai tahap yang tinggi. Namun begitu, terdapat juga anak yang memang memiliki keperibadian yang buruk, walaupun ibubapanya sudah memberi cukup perhatian serta pengawalan yang baik, sebaliknya anak tersebut sentiasa tidak mendengar nasihat ibubapanya.

Adab penghayatan akhlak pelajar terhadap guru dapatkan kajian min=2.63 berada pada tahap sederhana. Keadaan ini berlaku berkemungkinan kaedah pendekatan disiplin yang agak keras oleh guru lantaran harapan tinggi mereka terhadap pelajar agama untuk menjadi insan yang berakhlak mulia. Faktor pengawasan guru terhadap para pelajar terutamanya guru disiplin juga boleh menimbulkan salah faham pelajar yang beranggapan guru telah mengongkong kebebasan mereka berkemungkinan antara penyebab yang menjarakkan perhubungan antara guru dengan pelajar. Namun begitu, tanpa pengawasan yang rapi dari guru, akan menyebabkan akhlak pelajar akan menjadi semakin buruk. Pendapat ini adalah selari dengan kajian yang dilakukan oleh Nooraini Othman & Salasiah Khairullah (2013) yang menunjukkan sekolah yang gurunya mengamalkan gaya pendidikan yang autoritatif telah berjaya menghasilkan keputusan yang terbaik dalam mengatasi masalah ponteng dan dibuang dari sekolah akibat kesalahan disiplin. Secara tidak langsung ini menunjukkan pengamalan gaya autoritatif dapat memperbaiki sahsiah pelajar, maka jelaslah terdapat kesan yang baik daripada pengamalan gaya autoritatif ini walaupun ia tidak digemari oleh sesetengah pelajar.

Walaupun tahap penghayatan akhlak terhadap guru berada pada tahap sederhana, namun sebaliknya, tahap penghayatan akhlak tasawuf pelajar terhadap guru berada pada tahap tinggi dengan skor min=4.36. ini menunjukan, sungupun dari segi luaran pelajar seakan memberontak terhadap guru, namun jauh dalam sudut hati sikap menghormati guru itu masih terpahat dalam sanubari mereka. Sebagai pelajar yang bersekolah aliran agama, yang lebih memahami tuntutan agama melalui subjek *akhlak dan adab* yang mereka pelajari di dalam bilik darjah, nilai-nilai agama tetap wujud dalam diri. Pelajar masih lagi mengharap keberkatan guru dalam mendidik mereka. Ini kerana keberkatan suatu ilmu bergantung pada akhlak dan rasa hormat seorang murid kepada gurunya. Imam al-Ghazali (2008), menegaskan di dalam kitabnya *Ihya'* bahawa seseorang pelajar itu hendaklah bersikap tawadhu' dan mencari ganjaran pahala serta kemulian dengan berkhidmat kepada gurunya. Ini adalah kerana guru umpama ibubapa yang sentiasa mendidik kita tanpa jemu dan lelah.

Hasil dapatan kajian akhlak pelajar terhadap rakan sebaya pula dengan min (3.05) berada pada tahap tinggi. Hasil kajian ini selari dengan kajian Md Yusof (2010) yang menyatakan pelajar yang bermasalah disiplin memahami konsep berakhhlak dalam persahabatan dengan sentiasa ikhlas dan saling bantu membantu sesama rakan. Namun apa yang dipersoalkan, adakah keikhlasan kerjasama pelajar-pelajar tersebut hanya setakat untuk mengambil hati sesama rakan mereka sahaja atau mereka benar-benar ikhlas bergaul sesama mereka? Dapatkan tahap penghayatan akhlak tasawuf terhadap rakan sebaya berada pada tahap sederhana tinggi dengan skor min=3.89. Dapatkan kajian menunjukkan pergaulan antara pelajar berada dalam suasana penuh kemesraan sekalipun terhadap rakan mereka yang patuh pada disiplin sekolah. Kenyataan ini menunjukkan responden tidak membatasi pergaulan hanya sesama mereka yang melanggar disiplin sahaja. Menurut al-Ghazali (2008), persahabatan itu datang daripada budi yang baik iaitu dengan berkasih sayang. Perbuatan berbaik-baik sesama kenalan sehingga wujudnya berkasih sayang, maka itulah yang dikatakan persahabatan.

Sikap berbaik sangka ini adalah perbuatan yang dituntut dalam Islam, kerana berbaik sangka ini dapat mengelakkan dari menuduh orang lain berbuat jahat. Oleh yang demikian, sekiranya masih wujud sikap saling mencurigai antara satu sama lain, maka ia tidak boleh dinamakan persahabatan yang baik. Sikap menghormati rakan walaupun bertentangan dengan kepentingan diri sendiri adalah satu sifat yang terpuji. Namun sekiranya wujud rasa tidak puas hati terhadap rakan lantaran berbeza pendapat dan pemikiran, tali persahabatan tersebut akan mudah retak dan menimbulkan perselisihan. Menurut Aristotle di dalam Muhammad Syahir et al (2013), sahabat itu umpama cermin kerana jika hendak melihat seseorang itu kita boleh melihat siapakah kawan karibnya. Maksudnya jika ingin melihat segala ciri yang ada pada seseorang itu, maka hendaklah melihat kepada sahabatnya atau dengan siapa dia berkawan. Ini kerana seseorang yang saling bersahabat dengan sangat rapat akan saling terpengaruh antara satu sama lain.

Hasil dapatan kajian akhlak pelajar terhadap diri dengan min=3.50 berada pada tahap yang tinggi. Begitu juga dapatan tahap penghayatan tasawuf pelajar terhadap diri dengan min=4.53 berada pada tahap tinggi. Ini menjelaskan responden amat menjaga hak-hak ke atas diri sendiri. Sebagai pelajar yang beraliran agama, tuntutan menjaga kebersihan diri sudah difahami oleh pelajar. Kebersihan dan kesucian diri merupakan bahagian yang tidak dapat dipisahkan dari keimanan. Oleh sebab itu, orang yang tidak menjaga kebersihan, kesihatan, dan kesucian sama dengan mengabaikan sebagian dari nilai keimanan. Perbuatan seperti mencuri, zina, bercakap bohong dan seumpamanya adalah perbuatan yang mendatangkan dosa dan menjauhkan diri daripada Allah s.w.t. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud: “*Sesungguhnya berjayaalah orang yang menjadikan dirinya sedia bersih bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan). Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat)*” (Surah Asy-Syams ayat: 9-10).

Menurut Imam al-Ghazali (2008), empat tingkatan bersuci yang harus dihayati oleh setiap muslim iaitu, *pertama*. mensucikan anggota zahir dari kotoran, hadas dan benda yang menjijikkan, *kedua*, mensucikan anggota badan dari segala perbuatan jahat dan dosa, *ketiga*, mensucikan hati dari segala akhlak yang tercela atau sifat-sifat rendah yang terkutuk, dan *keempat*, mensucikan sirr (rahsia hati atau batin) dari sesuatu yang lain selain dari Allah s.w.t.

Antara penjagaan adab terhadap diri yang dianjurkan oleh Islam adalah memakan makanan yang halal kerana ia mempunyai hikmahnya yang tersendiri. Ia mempunyai perkaitan yang rapat dan boleh mempengaruhi akhlak manusia. Makanan dari sumber yang meragukan akan

membentuk titik-titik hitam dalam hati seseorang dan akan mempengaruhi nilai-nilai akhlak. Ini kerana hakikat nilai manusia itu berada pada nilai akhlak dirinya sendiri. Semakin tinggi akhlak diri seseorang itu maka semakin tinggi pula nilai kemanusiaan yang dimilikinya. Ini bertepatan dengan perintah Allah SWT dalam surah al-Baqarah yang bermaksud: *Wahai orang-orang yang beriman, makanlah daripada makanan yang baik dari apa yang telah kami rezekikan kepada kamu*, (al-Baqarah 1: 172). Aemy Liza (2014) menyatakan, bagi seseorang muslim, mengambil makanan adalah untuk kesinambungan kehidupan dan bukanlah kehidupan itu hanya untuk makan. Oleh yang demikian, makanan yang baik bukan sahaja diambil kira kandungan zat yang ada dalam makanan tersebut tetapi juga dari segi kebersihan dan halal turut perlu diberi penekanan.

Dapatkan tahap penghayatan akhlak pelajar yang bermasalah disiplin terhadap ibadah berada pada tahap sederhana dengan min=2.93 berbanding dengan dapatan tahap penghayatan akhlak tasawuf pelajar yang bermasalah disiplin terhadap ibadat dengan min=4.56 yang berada pada tahap tinggi. Ibadat yang dimaksudkan dalam artikel ini adalah ibadat khusus yang diamalkan oleh responden sahaja. Ia bukan ibadat yang dibahaskan dalam mana-mana buku berkenaan ibadat.

Sebagai pelajar yang bersekolah aliran agama, pengetahuan tentang tuntutan ibadah amnya sudah terbentuk dalam jiwa pelajar. Namun ia tak dapat dijadikan sebagai amalan rutin apabila terdapat beberapa faktor yang menghalangnya berbuat demikian. Faktor tuntutan hawa nafsu, lemah pemahaman agama, didikan ibubapa, pengaruh rakan sebaya, dan persekitaran antara penyebab utama yang membawa kepada kelalaian pelajar dalam menunaikan amal ibadat walaupun mereka telah mempelajarinya di bangku sekolah. Ini menunjukkan perlakuan zahir agak sukar untuk diamalkan walaupun pada hakikatnya nilai-nilai terpuji sudah pun wujud dalam jiwa seseorang. Mujahadah atau ‘tazkiah nafs’ yang kuat beserta dengan keazaman yang tinggi amat diperlukan untuk mewujudkan kesepaduan antara tuntutan jasmani dan tuntutan rohani seseorang.

Solat, puasa di bulan Ramadhan, tilawah al-Quran, bersedekah dan seumpamanya merupakan amal ibadat yang boleh menghampirkan diri dengan Allah s.w.t. Solat yang dilakukan dengan baik, akan memberi pengaruh kepada orang yang melakukannya. Ibadah yang dilakukannya itu akan membawa ketenangan, ketenteraman dan kedamaian dalam hidup manusia. Firman Allah s.w.t. di dalam al-Quran yang bermaksud: “*Sesungguhnya beruntunglah orang yang membersihkan diri (dengan beriman), Dan Dia ingat nama Tuhannya, lalu Dia sembahyang*”. (S. al-Aa’la: 14-15). Solat yang khusyuk adalah solat dengan penuh ketenangan gerakan dalam solat, beradab dan tidak tergesa-gesa dalam setiap pembacaan serta ketundukan pandangan ke arah tempat sujud, dan tidak disibukkan dengan gerakan yang sia-sia. al-Ghazali di dalam kitabnya Bidayatul Hidayah (2010) yang menjelaskan Allah sentiasa mengawasi batin dan melihat kepada hati hamba-Nya ketika bersolat. Allah hanya menerima solat hamba sesuai dengan kadar kekhusyukan, ketundukan dan tawaðuk mereka. Sikap berwaspada dalam setiap pergerakan solat itu mampu melahirkan manusia yang bertanggungjawab dan berintigeriti dalam melakukan sesuatu pekerjaan sehari-hari.

Selain daripada ibadat solat, ibadat berpuasa yang merupakan rukun Islam yang ketiga yang mesti dilakukan oleh setiap muslim apabila cukup syarat-syaratnya. Menurut Al- Ghazali (2008), puasa dapat mencegah (kemungkaran) dan meninggalkan (perkara halal dalam bulan ramadhan), puasa adalah amalan batin yang dihiasi dengan kesabaran. Ia adalah satu alat untuk mengawal hawa nafsu dari dahaga, lapar dan hubungan badan dari terbit fajar sampai terbenam

matahari. Rasulullah SAW mengambarkan kegembiraan orang yang menyempurnakan ibadat puasa melalui sabdanya yang bermaksud: Daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata, Rasulullah SAW bersabda: “*Bagi orang yang berpuasa akan mendapatkan dua kegembiraan yang dia akan bergembira dengan keduanya; apabila berbuka dia bergembira dan apabila berjumpa dengan Rabbnya, dia bergembira disebabkan ibadah puasanya itu*” (al-Bukhari: 5927).

Penutup

Penekanan kepada penghayatan akhlak tasawuf ke dalam diri pelajar merupakan satu kaedah yang mampu memperbaiki permasalahan disiplin pelajar dan boleh diaplikasikan kepada pelajar sekolah rendah maupun pada pelajar sekolah menengah. Ia mampu membina kekuatan jiwa pelajar sekali gus berupaya membentuk kemantapan disiplin dalam diri pelajar. Pihak yang berkenaan seperti guru disiplin, guru kaunseling dan kakitangan sekolah boleh meningkatkan tahap disiplin pelajar melalui kaedah pendekatan tasawuf iaitu *takhalli* iaitu mengosongkan diri dari akhlak yang buruk, tahap kedua *tahalli* iaitu setelah menghilangkan akhlak buruk dari diri pelajar maka ia diganti dengan pengisian dengan akhlak terpuji, dan tahap ketiga adalah *tajalli* iaitu terbukanya hijab antara manusia dengan Tuhan mereka apabila hati menjadi suci bersih setelah dihiasi dengan akhlak terpuji. Kaedah tasawuf berupaya memperbaiki masalah disiplin pelajar dengan mendidik hati mereka memandangkan nilai akhlak tasawuf dalam diri mereka lebih dominan berbanding nilai akhlak. Oleh itu sewajarnyalah, pendidikan akhlak yang menjurus kepada penghayatan akhlak tasawuf diberi lebih penekanan untuk memberi kefahaman kepada pelajar dalam membentuk jati diri berlandaskan pembersihan jiwa atau tazkiah an-Nafs. Kejadian manusia yang terdiri daripada jasad dan ruh memerlukan satu garis panduan yang dapat mengawal keinginan-keinginan nafsu manusia yang berbeza. Oleh itu, dalam membina akhlak pelajar untuk menjadi seorang insan yang berperibadian mulia, maka kita disarankan membentuk kehidupan sempurna berdasarkan prinsip ditetapkan Allah SWT. Antara lain kita dianjurkan untuk selalu bermuhasabah, bertaubat, bersabar, bersyukur, bertawakal, mencintai orang lain serta menolongnya.

Bibliografi

- Al-Qusyairi. Abdul Karim Bin Hazan Al-Naysaburi. (1997). *Al-Risalat Al-Qusyairiyah*. Darul Kutub al-Ilmiah. Beirut.
- Al-Ghazali, Muhammad Bin Muhammad. (2008). *Ihya Ulumuddin*. Kaherah, Mesir: Daar al-Taqwa.
- Al-Ghazali, Muhammad Bin Muhammad. (2010). *Bidāyatul Hidayah*. Dalam Majmu'ah Rasail. Beirut: Dar al-Fikr.
- Aemy Liza Binti Minhat. (2014). *Hubungan Makanan Dan Pemakanan Halalan Toyyiba Dengan Akhlak*. Universiti Teknologi Malaysia. Skudai. Johor.
- Arief Salleh, Rosman Dan Wardah Mokhtar. (2006). *Membentuk Jati Diri Remaja*. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Azhar Ahmad & Dr Ab. Halim Tamuri. (2005). *Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah*. Jurnal Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. Kuala Lumpur.
- Azizi Yahaya Dan Rosnah Buang. (2007). *Punca Berlakunya Masalah Gejala Gangsterisme Di Kalangan Remaja Di Beberapa Buah Sekolah Menengah Di Empat Negeri*. Universiti Teknologi Malaysia. Skudai.
- Azzahyiruddin Ahyanuddin. (2006). *Penglibatan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Dalam Aktiviti Salah Laku: Kajian Di Sekolah Menengah Kebangsaan (Maahad), Muar*. Johor. Universiti Teknologi Malaysia

- Bangun Nasution & Rayani Hanum Siregar. (2015). *Akhlik Tasawuf*. Jakarta: Rajawali Pers. Cet.Ke-2.
- Deobold PV. (1999). *Memahami Penyelidikan Pendidikan*. In: Abdul Fatah Abdul Malik, Mohd. Majid Konting (eds). Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Ghani Hj Talib. (1996). *Pembinaan Instrumen: Ceramah Kursus Penyelidikan Pendidikan*. Anjuran Bahagian Pendidikan Guru. Kementerian Pendidikan Malaysia. 12-13 Ogos 1996.
- Hertanto, Eko. (2017). *Perbezaan Skala Likert Lima Sekala Dengan Modifikasi Skala Likert Empat Skala*. Jurnal Metodologi Penelitian. September 2017.
<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/11/630799/10-pelajar-ditahan-buli-kawan-paksa-siapkan-kerja-sekolah>.
- <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ejek-punca-insiden-buli-di-sekolah-agama-di-putatan>.
- Hamid Abdul Qadir & Muhammad Ali al-Najjar Ibrahim Mustafa, Ahmad Hasan al-Zayyat, (1972), *Al-Mu'jam al-Wasit*, Dar Ihya Turath al-Arabi, Cairo.
- Ibn Miskawaih. (1978). *Tahdzib Al-Akhlaq Wa Tathir Al-'Araq*. Daral-Maktabah al-Hayaat. Manshurat. Beirut.
- John W. Creswell and J. David Creswel, (2011), *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approache*, (4th ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Luis Ma'ruf. (tt). *Kamus Al-Munjid*, Al-Maktabah Al-Katulikiyah. Beirut. h. 194.
- M. Abdul Mujieb et, al. (2009). *Ensiklopedia Tasawuf Imam Al-Ghazali*. Penerbit Hikmat (PT Mizan Publik). Jakarta Selatan.
- Mahadi Hj. Khalid. (2007). *Tingkah Laku Buli Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Di Sarawak*. Seminar Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Batu Lintang . Institut Perguruan Batu Lintang.
- Marwan Ibrahim al-Kaysi. (1997). *Adab Sopan dan Budi Pekerti Dalam Islam*. (Terj.) Hussin Salamon dan Mohd. Nasir Ripin. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Md. Yusof bin Ali. (2010). *Amalan Akhlak Sosial Islam Dalam Kalangan Pelajar Bermasalah Disiplin Di Sekolah Menengah Kebangsaan Negeri Pahang*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Mohamad Khairi Haji Othman, et al. (2016). *Perspektif Ibu Bapa Terhadap Permasalahan Dan Cabaran Dalam Pembentukan Nilai Murni Pelajar*. Universiti Utara Malaysia. Journal Sains Humanika 8: 4-2, hl. 9–16.
- Mohd Khairi Shafie & Mohamad Khairi Othman. (2016). *Kefahaman Dan Pengamalan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah*. International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia.
- Mohd Najib Abd Ghafar. (1999). Penyelidikan Pendidikan. UTM. Skudai. Johor. Mohd Nuri Mustafa .(2017). Kajian Kes Terhadap Fenomena Delinkuendalam KalanganRemaja Berisiko Di Sebuah Sekolah Menengah Agama Kelantan, Malaysia. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Sulaiman Bin Hj. Yasin. (1986). *Mengenal Ilmu Tasawuf*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Diterbit oleh Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan perdana Menteri.
- Muhammad ibn Mukarram Ibn Manzurr. (1993). *Lisan al-'Arab*. Jil.6. Beirut. Dar Sadir.
- Muhammad Syahir et al. (2013). Perspektif Aristotle Dan Al-Ghazali Terhadap Konsep Persahabatan. Jurnal Hadhari 5 (1) (2013) 21 – 36.

- Nasarudin Desa @ Man, Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Sabri Mohamad (2018). *Menangani Keruntuhan Akhlak Masa Kini Menurut Islam*. Jurnal al-Turath. Vol. 3. No. 1. UKM.
- Nooraini Othman & Salasiah Khairullah. (2013). *Explorasi Hubungan Antara Personaliti Islamik dan Gaya Keibubapaan*. International Journal of Islamic Thought, Vol. 4.
- Rabiatal Adawiyah bte Abu Bakar, Salina Mohammed Rashid & Ghazali Mohd Ali, (2014), *Budaya Berkongsi Pengetahuan Dalam Kalangan Pelajar Pekak: Satu Kajian Penerokaan*. Proceeding of the 1st International Conference on Management and Muamalah 2014 (1st ICoMM) 13th– 14th November 2014, e-ISBN: 978-967-0850-01-6187.
- Rohana Tan, Norhasni Zainal Abiddin & Andi Suwirta. (2016). *Faktor Yang Mempengaruhi Penghayatan Akhlak Islam Dalam Kalangan Belia Di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia*. Journal of Islamic Studies in Indonesia and Southeast Asia. Vol. 1. No. 1. pp.55-66.
- Roziah Adama & Mas Rynna Wati Ahmad. (2017). *Komunikasi Pelanggaran Adab: Satu Analisis Konsep Adab Al-Attas Dalam Drama Ayam Jantan Ayam Betina*. Jurnal Melayu Isu Khas 2017. Hal. 376-390.
- Selamat Bin Hashim, Azmi Syah, Suratman, Abd Basit Abd Samat, Abdul Rahman Hamzah Dan Abdul Hafiz Abdullah (2004). *Kajian Sahsiah Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor Kluang, Kluang Johor Pusat Pengajian Islam*. Pembangunan Sosial Universiti Teknologi Malaysia.
- Syed Muhammad al Naquib bin Ali Al-Attas. (1996). *Konsep Pendidikan Dalam Islam*. (Haidar Bagis, terj). h. 60. Mizan.Bandung.
- Qasim Ghina. (1972). *Tarikh At-Tasawuf Fi Al-Islam*, Maktabah An-Nahdah. Al- Kaherah.
- Wan Nor Adibah Wan Ahmad, (2015), “*Pembentukan Jati Diri Muslim Melalui Pengamalan Modul Sahsiah Unggul Murid Di Hulu Langat Dan Sepang, Selangor*,” Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaharah Hussin, Ahmad Arifin Sapar & Ab Halim Tamuri. (2017). *Pendidikan Akhlak Analisis Dan Reka Bentuk Kurikulum*. UKM. Kuala Lumpur.
- Zakaria Stapa & Mohd Nasir. (1999). *Akhlaq Dan Tasawuf*. Bangi. Pusat Pengajian Jarak Jauh. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkifli & Azrinawati. (2006). *Perdisiplinan Pelajar Melayu Di Sekolah Menengah Berasrama: Kajian Terhadap Kaedah Yang Dijalankan Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Terpilih Di Utara Semenanjung*. Institut Penyelidikan, Pembangunan Dan Pengkomersilan. University Teknologi Mara. Shah Alam.